



Pemuda Pulai: retak menanti belah

Sekian lama peristiwa demi peristiwa dalam kepimpinan Pulai disorok dari tontonan umum bahkan ada kalanya ahli UMNO Pulai sendiri tidak mengetahui keretakan yang berlaku dalam kepimpinan Pemuda Pulai. Hanya mereka yang rapat dengan pemimpin-pemimpin tertentu sahaja yang tahu dan faham perkara yang berlaku. Secara umumnya, ahli-ahli akar umbi hanya tahu kepimpinan Pemuda Pulai "good" sahaja.

Nama-nama besar seperti Team A atau Team B seringkali dikaitkan apabila menjelang Persidangan Bahagian atau menjelang pilihanraya yang akan datang. Siapa yang rapat dengan pemimpin tertentu pasti akan memperolehi habuan masing-masing seperti projek-projek kecil dalam Pulai, projek-projek menjelang pilihanraya ataupun kemudahan-kemudahan lain seperti lesen-lesen gerai dan sebagainya. Tidak lupa perlantikan sebagai Ahli-Ahli Majlis Bandaraya walaupun mereka tidak layak mendudukinya. Adakalanya ada mereka yang bermasak muka kerana tidak dipilih sebagai Ahli Majlis

Baru-baru ini digembar-gemburkan bahawa Pemuda Pulai baru nak bergerak dan melakukan aktiviti peringkat Bahagian dengan mengadakan Pertandingan Sukan seperti Kejohanan Golf Klasik dan lain-lain. Dah kena hentam baru nak bergerak tetapi baguslah daripada terus tertidur.

Keretakan yang berlaku dalam Pemuda Pulai dikatakan begitu serius sehingga ada pemimpin Pemuda Pulai yang berani menonjolkan diri atau menawarkan diri untuk menghaburkan kepentingan-kepentingan peribadi hanya semata-mata untuk meraih pandangan ahli-ahli.

Ramai pemerhati politik Pulai berpendapat tidak salah untuk menonjolkan diri sekiranya tidak menjejaskan kredibiliti kepimpinan Pemuda itu sendiri. Sebagai contoh pemberian piala pusingan acara Bolasepak yang diadakan iaitu Piala Tengku Putera yang diadakan telah menimbulkan kontroversi dikalangan veteran UMNO Pulai dan pemerhati politik dimana mereka tertanya-tanya siapakah sebenarnya Tengku Putera - apakah ianya Ketua Pemuda atau Ketua UMNO Bahagian?

Ada yang berpendapat sekiranya piala pusingan itu adalah sumbangan dari Sdra. Tengku Putera dan diserahkan kepada Pemuda Pulai yang pasti Kejohanan Bolasepak itu adalah untuk merebut piala pusingan "Ketua Pemuda" atau "Ketua Bahagian". Ini lebih relevan dan praktikal tetapi tidak Piala Pusingan Tengku Putera. Nama bagi orang biasa tidaklah begitu penting tetapi apabila nama itu ditonjolkan didalam kepimpinan politik pasti mempunyai "udang disebalik batu".

Secara jujur dan ikhlas, Tengku Putera tidak perlu untuk menonjolkan dirinya melampaui Ketua Pemuda sediaada kerana rata-rata ahli-ahli Pemuda UMNO Pulai sendiri tidak memihak kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan politik tetapi yang menjadi masalah ketika ini "politik wang" dalam Pemuda UMNO Pulai masih lagi berlaku sehinggakan mereka tidak kenal siapa kawan atau lawan.

Kemunculan Team A atau Team B mahupun Team C dalam kepimpinan UMNO Pulau khususnya Pemuda Pulau itu sendiri telah lama berlaku sehinggakan Tokmat sendiri bosan dengan karenah anak buahnya sendiri. Ini dapat dilihat dari kemunculan mereka apabila pemimpin-pemimpin tertentu menghadiri satu-satu majlis. Mereka seolah-olah mewakili Pemuda Pulau walaupun ahli-ahli UMNO Pulau sendiri tahu mereka bukanlah tokoh pemimpin yang dibanggakan oleh Pulau sendiri.

Bye, bye Pemuda Pulau kerana kini segalanya akan berakhir dan apa yang tersirat akhirnya telah tersurat. Baru sekarang segala rahsia yang selama ini dibendung begitu rapi telah terbongkar. Kini terlalu banyak cerita mengenai Pulau yang hendak disampaikan oleh pembaca kerana pembaca telah bosan dengan sikap sebilangan besar pemimpin Pulau yang hanya pandai bercakap tak serupa bikin.

Nak minta tolong selesaikan masalah sampai pun kadangkala terpaksa bertarik tali antara satu dengan yang lain. Inilah yang dikatakan "kacang lupakan kulit". Pulau oh Pulau, telah ketinggalan jauh dari rakan-rakan seperjuangan yang lain kerana keegoan segelintir pemimpin Pemuda Pulau itu sendiri telah menambahkan ahli-ahli bosan dengan karenah mereka

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.